

# Bangunan Perdana Putra jimat tenaga

Oleh Mohd Husni Mohd Noor

Artikel ini disiarkan pada : 2014/09/08

Putrajaya: Bangunan Perdana Putra yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri diberi penarafan Platinum oleh Indeks Bangunan Hijau (GBI).

---

Sijil GBI berkenaan diterima sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada majlis penganugerahan di sini, hari ini.

Projek menaik taraf kemudahan teknologi hijau pada bangunan itu dibangunkan oleh syarikat tempatan, KFM Holdings Sdn Bhd (KFM).

Najib dalam ucapannya berkata, Bangunan Perdana Putra kini mampu menjimatkan satu pertiga penggunaan tenaga berbanding sebelum ini sekali gus dikategorikan antara bangunan lestari berprestasi tinggi di Malaysia.

Menurutnya, beliau juga mahu melihat seluruh bangunan di Putrajaya mengaplikasikan konsep lestari dan hijau sekali gus menunjukkan Malaysia tidak ketinggalan dari segi teknologi tinggi.

"Saya berbangga untuk umumkan bahawa Bangunan Perdana Putra menerima anugerah Platinum oleh penarafan GBI," katanya.

Katanya, beliau juga mahu melihat inisiatif dan konsep bangunan lestari ini diperluaskan ke seluruh negara.